PERBADANAN ASET KERETAPI

RAILS

JANUARI - MAC 2025

MENGENAI RAILS

RAILS diwujudkan sebagai wadah untuk menyampaikan maklumat terkini mengenai program, aktiviti, dasar dan hala tuju baharu dan , perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perbadanan Aset Keretapi (RAC).. Semoga RAILS dapat membantu anda memahami peranan, tanggunjawab dan fungsi RAC dalam memajukan dan membangunkan industri rel negara.

PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC)
Railway Assets Corporation

Aras 16, IOI City Tower Two,
Lebuh IRC, IOI Resort City,
62502 Putrajaya Sepang,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-89390200

Untuk sebarang pertanyaan dan cadangan e-mel kami di pro@rac.gov.my

RAC SERAH ZAKAT RM500 RIBU KEPADA PERAK DAN NEGERI SEMBILAN

RAC menunjukkan komitmennya dalam melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) melalui pembayaran zakat perniagaan tahun 2024 bagi membantu golongan asnaf selain memperkukuh hubungan dengan masyarakat.

Pada tahun ini, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menerima bayaran zakat perniagaan daripada RAC yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif YBhg. Dato' Azhar Ahmad di Istana Iskandariah pada 15 Mac 2025. Sebanyak RM200,000 telah diserahkan sebagai manifestasi tanggungjawab korporat dalam menyumbang kepada pembangunan ummah dan membantu golongan yang memerlukan.

Selain itu, RAC turut menunaikan zakat perniagaan sebanyak RM300,000 kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dalam satu majlis di Dewan Komuniti Taman Coral Heights, Sikamat, Seremban. Penyerahan tersebut dilakukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad kepada Setiausaha MAINS, Tn. Hj. Zainal bin Said. Majlis ini disaksikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun dan Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook.

Penyaluran zakat ini mencerminkan komitmen RAC dalam menyokong pembangunan masyarakat serta sosioekonomi melalui bantuan kepada golongan asnaf dan mereka yang memerlukan selaras dengan usaha memperkukuh jalinan antara Agensi Kerajaan dan masyarakat.

PEMBINAAN LIF & MENAIKTARAF KEMUDAHAN OKU DI STESEN KERETAPI BATU GAJAH SIAP

Kerja-kerja pembinaan lif dan menaiktaraf kemudahan untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di Stesen Keretapi Batu Gajah, Perak adalah satu inisiatif RAC untuk memastikan stesen-stesen kereta api dilengkapi dengan kemudahan yang sesuai dengan keperluan golongan tersebut yang memilih rel sebagai mod pengangkutan.

Majlis penyerahan siap projek ini telah dibuat pada 23 Mac 2025 oleh JKR Perak yang diwakili Jurutera Daerah Kinta Ir. Atikah Md Radzi kepada RAC yang diwakili oleh Jurutera Kanan, En Mohd Shafiq Zolkifly. Antara kemudahan yang disediakan untuk OKU adalah tandas dan juga laluan tactile. Projek ini berjaya disiapkan pada 13 Mac 2025, lima hari lebih awal berbanding tarikh siap asal projek iaitu 18 Mac 2025. Diharapkan dengan penyiapan kemudahan ini ia akan memberi manfaat kepada pengguna kereta api.

PENYERAHAN PEK CENDERAHATI SEMPENA TAHUN BARU CINA DI STESEN KL SENTRAL

YBhg. Dato' Azhar Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif RAC turun padang menyantuni penumpang perkhidmatan ETS dengan menyerahkan pek cenderahati pada program yang diadakan sempena perayaan Tahun Baharu Cina 2025 di Stesen KL Sentral pada 25 Januari 2025.

Program yang disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan YB Loke Siew Fook dianjurkan dengan kerjasama RAC dan KTMB sebagai tanda penghargaan terhadap kesetiaan penumpang yang menggunakan perkhidmatan ini.

Sebanyak 300 pek cenderahati diedarkan pada sesi perayaan kali ini. Penyertaan RAC pada program kali ini menandakan kesepakatan kedua-dua agensi kepada penumpang yang telah memilih kereta api sebagai mod pengangkutan untuk pulang ke destinasi sempena musim perayaan ini.

PROGRAM AGIHAN LIMAU KEMENTERIAN PENGANGKUTAN SEMPENA TAHUN BARU CINA 2025

Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad menerima limau daripada Menteri Pengangkutan YB Loke Siew Fook pada Program Agihan Limau sempena sambutan Tahun Baharu Cina 2025 pada 24 Januari 2025 di Kementerian Pengangkutan. Buah-buah limau tersebut seterusnya diedarkan kepada kakitangan RAC.

SESI TOWNHALL BIL 1/2025

Ketua Pegawai Esekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad menyampaikan amanatnya sempena Sesi Townhall Bil 1/2025 yang diadakan juga sempena sambutan Tahun baharu Cina pada 27 Januari 2025.

Intipati utama perjumpaan kali ini adalah sesi penerangan mengenai 11 sasaran utama yang digariskan dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) RAC 2025 selaras dengan strategi pengukuhan fungsi dan peranan Perbadanan ini.

KEBERSIHAN STESEN KOMUTER BATU CAVES DIUTAMAKAN SEMPENA THAIPUSAM 2025

Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad menyertai sidang media yang diadakan sempena perayaan Thaipusam 2025 yang diadakan di Stesen Komuter Batu Caves pada 4 Februari 2025.

RAC telah menempatkan pasukan yang memantau aspek kebersihan dan kelancaran lif dan eskalator di stesen itu yang dijangka akan digunakan oleh ribuan penganut agama Hindu sebagai mod pengangkutan ke Batu Caves.

PROJEK PENGGANTIAN 132/25KV POWER TRANSFORMER DI KALUMPANG FEEDER STATION, SELANGOR

Projek transformasi yang kini sedang giat dilaksanakan oleh RAC telah mencapai 6% dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung Oktober 2026.

Penggantian power transformer tersebut adalah untuk meningkatkan keupayaan sistem bekalan elektrik 25kV bagi menampung penambahan operasi keretapi elektrik dan mengurangkan jumlah kegagalan tren yang disebabkan oleh pemutus litar.

RAILS

KLUANG LINEAR RAILWAY PARK BERJAYA DIREALISASIKAN

Kerja-kerja pembinaan Kluang Linear Park merupakan satu inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh RAC selaku pemilik aset, SIPP-YTL, kontraktor utama Projek Pembinaan Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Kluang .

Pembinaan taman baharu di bawah viaduct sepanjang 2.8 kilometer ini telah diwartakan dalam Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kluang Tahun 2030 dilaksanakan bersama Think CIty selaku rakan kerjasama strategik.

Cadangan pembinaan taman rekreasi ini merupakan pendekatan serampang dua mata yang dilihat oleh RAC sebagai konsep baharu dalam penggunaan tanah-tanah kereta api sebagai kawasan rekreasi awam dan menyokong kewujudan jaringan hijau bagi menyokong pembangunan rendah karbon.

KUNJUNGAN HORMAT KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA KE RAC

Ketua Pegawai Eksekutif RAC YBhg. Dato' Azhar Ahmad menerima kunjungan hormat Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KESUMA, YBrs. Tuan Sutekno bin Ahmad Belon di RAC pada 17 Februari 2025.

Sesi ini diadakan bagi membincangkan cadangan pengambilan balik tanah RAC di Lot 252, Bandar Georgetown, Pulau Pinang oleh pihak KESUMA bagi tujuan tempat letak kenderaan kakitangan dan pelanggan.

KAMI PRIHATIN: PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA KAKITANGAN KTMB

Pengurus Pejabat Urusan Wilayah Utara RAC Dr. Khairul Amali dan wakil Unit Hal Ehwal Korporat RAC menyerahkan sumbangan kepada Pengurus Stesen KTMB, Encik Mohammad Haffiz bin Shafie yang menjadi mangsa kebakaran di kuarters kereta api di Batu Gajah pada 19 Februari 2025.

Sesi lawatan ini adalah sebagai tanda sokongan dan keprihatinan RAC terhadap insiden yang menimpa mangsa sekeluarga. Turut diadakan lawatan ke lokasi kejadian.

LAWATAN KE CARCOSA SERI NEGARA

RAC telah menyertai lawatan tapak ke Carcosa Seri Negara pada 18 Februari 2025 bersama YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YBhg. Dato' Seri TPr. Dr. Maimunah binti Mohd Sharif, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Think City Sdn. Bhd. (TCSB) dan Khazanah Nasional Berhad (KNB).

Stesen Keretapi Kuala Lumpur merupakan sebahagian daripada Kuala Lumpur Creative Cultural District (KLCCD) melalui Projek Andalan 9: Stesen Keretapi Kuala Lumpur (Presint Sivik). Projek ini selaras dengan aspirasi KLCCD untuk memelihara dan memulihara warisan sejarah sambil memastikan kesinambungan fungsi dan nilai komersialnya di pusat bandar Kuala Lumpur

Sebagai sebahagian daripada KLCCD, Stesen Keretapi Kuala Lumpur juga akan menjalani kerja-kerja pemuliharaan fasad dalam masa terdekat. RAC komited dalam memelihara dan menghidupkan kembali warisan negara untuk generasi akan datang.

RAC MENERIMA SIJIL PENGIKTIRAFAN DARIPADA *THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS*

RAC telah menerima sijil pengiktirafan daripada The Malaysia Book of Records (MBOR) serta Sijil Penghargaan selaras peranan Perbadanan ini sebagai Rakan Strategik Utama bagi menjayakan Program Santuni MADANI Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) dalam majlis penyerahan sijil tersebut di Kampung Kuala Mengkuang, Seberang Perai pada 24 Februari 2025.

Pengiktirafan MBOR ini diberikan susulan penghasilan lukisan mural yang pertama pada landasan kereta api yang melalui kampung ini. Penghasilan mural ini telah dijadikan satu daripada lokasi tarikan pelancong memandangkan sungai berhampiran landasan kereta api di kampung ini sering dijadikan lokasi kegemaran pemancing.

MAJLIS PELUNCURAN PAJAKAN LOKOMOTIF DAN GERABAK SECARA "PAY-AS-USE" DI STESEN KERETAPI SENTUL

Menteri Pengangkutan YB Loke Siew Fook hadir menyempurnakan Majlis Peluncuran Pajakan Lokomotif dan Gerabak Secara "Pay-As-Use" yang diadakan di Stesen Sentul pada 27 Februari 2025. Majlis ini adalah susulan daripada pemeteraian perjanjian yang telah dibuat antara RAC dan SMH Rail pada 15 Mac 2024 dan KTMB dan SMH Rail pada suku ketiga 2024.

Penglibatan RAC sebagai pemilik aset memastikan inisiatif ini sejajar dengan agenda nasional bagi mengoptimumkan infrastruktur rel, meningkatkan penyertaan industri tempatan, menggalakkan penyelesaian pengangkutan yang lebih mesra alam serta memodenkan operasi kargo.

MOT SUMBANG KURMA KEPADA KAKITANGAN RAC

Ketua Unit Hal Ehwal Korporat, Puan Ane Salfarizan Mispani menyerahkan kurma yang disumbangkan oleh Kementerian Pengangkutan kepada kakitangan RAC pada 28 Februari 2025 sempena sambutan bulan Ramadan tahun ini.

RAC SERTAI PROGRAM GOTONG ROYONG AMBANG TAHUN BAHARU 2025



Pejabat RAC Wilayah Utara dengan kerjasama penduduk Kampung Manis dan Taman Inderawasih, Perai telah menganjurkan program gotong-royong untuk membersihkan kawasan Surau Darul Hidayah sebagai persediaan menyambut Tahun Baharu 2025. Aktiviti ini mencerminkan komitmen sosial dalam memperkukuh hubungan komuniti. Selain itu, sebuah Majlis Bacaan Yasin juga turut diadakan pada malam Ambang Tahun Baharu.

LAWATAN KERJA YB MENTERI PENGANGKUTAN KE STESEN KERETAPI SEGAMAT, PADANG BESAR & ALOR SETAR

Pada 23 dan 24 Mac 2025, Menteri Pengangkutan YB Loke Siew Fook telah mengadakan lawatan kerja ke Stesen Keretapi Segamat, Alor Setar dan Padang Besar.

Selain itu, turut diadakan adalah edaran 1,000 pek perayaan sempena Aidilfitri yang dibuat sebagai satu daripada aktiviti di bawah Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) RAC dalam menghargai para penumpang yang memilih perkhidmatan pengangkutan rel sempena Hari Raya Aidilfitri. Wakil RAC yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif YBhg. Dato Azhar Ahmad telah turun padang ke tiga-tiga stesen kereta api berkenaan bagi menyatuni para penumpang.

Tinjauan ke stesen-stesen kereta api tersebut turut dilakukan bagi meninjau kemudahan dan infrastruktur yang disediakan di stesen-stesen berkenaan termasuk cadangan pembinaan laluan pejalanan kaki berbumbung yang menghubungkan Stesen Keretapi Segamat ke Terminal Bas Segamat. Projek ini yang dianggarkan bernilai RM300,000 dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2025. Dengan adanya kemudahan tersebut, orang ramai dapat menggunakan kedua-dua mod pengangkutan awam dengan selesa,

Lawatan YB Menteri Pengangkutan ke Stesen Keretapi Segamat adalah bagi meninjau kesiapsiagaan kemudahan serta pengoperasian Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) yang telah bermula di stesen tersebut pada 15 Mac 2025. pembukaan Stesen Keretapi Segamat yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan moden bakal memberikan keselesaan dan pengalaman baharu kepada para penumpang, sekaligus merancakkan lagi penggunaan kereta api sebagai mod pengangkutan awam.

Dalam lawatan ke Perlis dan Kedah, pembinaan dua (2) unit lif di Stesen Keretapi Padang Besar kini sedang giat dijalankan dengan kos sebanyak RM3.69 juta, manakala di Kedah, projek pembinaan dua (2) unit lif masing-masing di Stesen Kodiang dan Kobah dijangka akan bermula pada April 2025 dengan kos berjumlah RM4.73 juta. Selain itu, kemudahan tempat letak motosikal berbumbung telah disiapkan di empat (4) stesen utama masing-masing di Arau dan tiga (3) lagi stesen kereta api di Kedah dengan jumlah keseluruhan sebanyak 345 petak pakir. Kemudahan yang menelan kos sebanyak RM1.3 juta ini telah digunakan orang ramai sepenuhnya pada 17 Februari 2025.

Beliau juga sempat melawat kemudahan tempat letak motosikal berbumbung di Stesen Keretapi Alor Setar yang telah siap ketika mengadakan lawatan kerja Stesen Keretapi Alor Setar. YB Menteri Pengangkutan juga turut berpeluang menaiki perkhidmatan Komuter Utara dan menilai sendiri mutu perkhidmatan tersebut yang dikendalikan oleh KTMB. Turut diadakan sidang media bersama Polis Diraja Malaysia mengenai kes kecurian kabel yang serius sehingga menjejaskan perkhidmatan komuter di jajaran tersebut.